



Jihad Bisnes Perlu Dipupuk – Tan Sri Dato' Muhammad Ali



Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim antara usahawan berjaya di Malaysia.

SERDANG, 28 Mac – Generasi baru harus dide dahkan dengan ‘jihad bisnes’, iaitu bisnes yang menolak amalan haram, kata Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim.

Beliau yang juga Timbalan Presiden, Dewan Perdagangan Islam Malaysia berkata jihad bisnes menerapkan tiga strategi utama iaitu membina satu empayar besar dalam bisnes, membina satu jenama besar yang disegani di samping menyebarkan ilmu bisnes yang sebenar mengikut cara Islam.



Para pemenang yang berjaya mengaut keuntungan dalam catur bistari.

Katanya kebanyakan kaum Melayu khayal dengan keselesaan hidup hingga membiarkan ekonomi dimonopoli orang asing.

“Jihad bisnes merupakan merupakan tanggungjawab kaum Melayu/Bumiputera kerana ia mampu menaikkan taraf hidup mereka,” katanya ketika menyampaikan ceramah bertajuk ‘Jihad Bisnes’ di hadapan lebih 100 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) pada majlis perasmian penutupan Pertandingan Catur Bistari Interkolej/Tertutup UPM.

Beliau yang juga pelopor permainan Catur Bestari menyifatkan permainan itu adalah untuk mencetuskan kesedaran bidang pengurusan kewangan, belajar mengambil risiko, membina kecekapan perundingan, memupuk minda keusahawanan, dan kecekapan membuat keputusan.



Suasana Pertandingan Catur Bistari yang dijalankan di PKKSSAAS UPM melibatkan 27 kumpulan kesemuanya.

Pertandingan tersebut julung kali dianjurkan oleh Unit Keusahawanan dan Koperasi Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Bistari Young Entrepreneur Sdn. Bhd. yang dimiliki Johor Corporation telah dimenangi oleh Kumpulan Kolej Sepuluh A dengan membolot hadiah tunai RM800.

Tempat kedua dimenangi oleh Kumpulan Kolej Sepuluh B dan Kumpulan SEOUL dari Kolej Sebelas di tempat ketiga sementara bagi kategori individu dimenangi oleh Muhammad Syukor A. Wahab dari Kolej Sepuluh.



Muhammad Syukor dari Kolej Sepuluh mengungguli kategori individu catur bistari.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013).